

LAPORAN KHAS

SEMPENA PERSIDANGAN MAJLIS MESYUARAT NEGARA 2013

BND366,479,400 diperuntukkan kepada Kementerian Kesihatan

HARI RABU 27 MAC 2013 MASIHI /
15 JAMADILAWAL 1434 HIJRIAH

PERCUMA

Laporan : Pg. Haji Waliyuddin Pg. Haji Ahmad

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 23 Mac. - Sebanyak BND366,479,400 telah disediakan dan disokong untuk peruntukan Kementerian Kesihatan bagi sesi Tahun Kewangan 2013/2014, bertambah sebanyak BND18,722,400 daripada peruntukan tahun sebelumnya.

Perkara ini dinyatakan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof ketika menyampaikan mukadimah di hari ke-13 Majlis Mesyuarat Pertama Dalam Musim Permesyuaratan Kesembilan Majlis Mesyuarat Negara, di Dewan Majlis, di sini.

Yang Berhormat menjelaskan, sebahagian peruntukan tersebut digunakan bagi menampung kos-kos pembayaran seperti gaji kakitangan, pembayaran pemindahan Skim Perkhidmatan Doktor yang baru, penambahan 71 jawatan bersih termasuk

jawatan secara trade off dan penambahan melalui Waran Perjawatan bagi Pakar-pakar Perubatan, Pegawai-pegawai Perubatan dan pelbagai jawatan profesional dalam bidang kesihatan.

Yang Berhormat menerangkan bahawa peruntukan tersebut juga merupakan antara lain untuk penambahan peruntukan di bawah tajuk Perbelanjaan Berulang-ulang:

- Penambahan BND500,000 menjadi BND4,500,000 di Bahagian Pembelian & Perbekalan, Jabatan Kementerian Kesihatan.

- Penambahan peruntukan ubat BND500,000 menjadi BND7,500,000 bagi pesakit-pesakit buah pinggang di bawah Jabatan Perkhidmatan Renal.

- Penambahan BND3,000,000 kepada BND10,000,000 - perbekalan dan perkhidmatan perubatan bagi Jabatan Perkhidmatan Makmal.

- Operasi Promosi Kesihatan ditambah BND200,000 menjadi

BND700,000.

- Tajuk Perubatan (Ubat, Perbekalan dan Perkhidmatan Perubatan serta Perkhidmatan Perubatan) menjadi BND57,000,000.

- Pemeliharaan Sistem Komputer BND2,000,000, Peningkatan kemahiran dan kapasiti BND1,500,000," ujar Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat, peruntukan tersebut juga akan menampung kos-kos di bawah Tajuk Perbelanjaan Khas iaitu sebanyak BND5,000,000 disediakan bagi menangani Ancaman Wabak Penyakit-penyakit berjangkit dan sebanyak BND3,325,000 lagi untuk pembekalan infrastruktur termasuk menaik taraf pejabat, hospital, pusat-pusat kesihatan dan klinik-klinik kesihatan.

Manakala dalam pembelian perkakas dan peralatan bagi hospital, Pusat Kesihatan, Perkhidmatan Pergigian, Perkhidmatan Renal, Kesihatan, Farmasi dan Makmal pula diperuntukkan sebanyak BND7,800,000.

Yang Berhormat selanjutnya menambah bahawa peruntukan tersebut membuktikan keprihatinan dan komitmen yang tinggi



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof. - Foto : Haji Ariffin Md. Noor.

kerajaan di bawah kepimpinan dan pandangan jauh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terhadap betapa pentingnya perkhidmatan dan penjagaan kesihatan yang berkualiti demi mejaga dan melindungi kesejahteraan, serta meningkatkan kualiti kehidupan dan keselamatan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam.

Oleh itu, Yang Berhormat juga menyeru kepada sekalian rakyat dan penduduk di negara ini agar mensyukuri atas limpah kurnia dan menjunjung kasih setinggi-tingginya ke hadapan majlis Kebawah DYMM atas

pemeduliaan kerajaan baginda menyediakan usaha-usaha yang secara terus-menerus dalam meningkatkan pelbagai bentuk perkhidmatan dan kemudahan yang berkualiti, khususnya penyediaan dalam bidang kesihatan.

"Walau bagaimanapun, kita sebagai rakyat dan penduduk di negara ini hendaklah memanfaatkan dan menggunakan dengan sebaik-baiknya serta memberikan kerjasama terutama sekali yang lebih penting bersama-sama tanggungjawab dan benar-benar komited untuk menjaga dan memelihara kesihatan masing-masing khususnya dengan mengamalkan cara hidup sihat," ujarnya.

Pencapaian Kementerian Kesihatan terus meningkat

Laporan : Pg. Haji Waliyuddin Pg. Haji Ahmad

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 23 Mac. - Kementerian Kesihatan akan terus komited untuk membekalkan dan meningkatkan lagi tahap kualiti perkhidmatan-perkhidmatannya, serta akan sentiasa berusaha untuk mencapai ke tahap piawaian perkhidmatan yang lebih tinggi, sejajar dengan perkhidmatan di peringkat antarabangsa.

Perkara ini ditekankan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof semasa menyampaikan mukadimahnya

pada persidangan di Mesyuarat Pertama Dalam Musim Permesyuaratan Kesembilan Majlis Mesyuarat Negara (MMN), pagi ini.

Oleh itu, Yang Berhormat juga meluahkan rasa syukur atas pencapaian Kementerian Kesihatan yang telah mendapat pengiktirafan akreditasi antarabangsa ISO 15189-2007 pada tahun 2012, bagi Perkhidmatan Makmal yang menandakan satu langkah kemajuan ke hadapan yang mencerminkan tahap kecemerlangan, dan pada masa yang sama juga dapat meningkatkan keyakinan dan kepercayaan orang ramai di negara ini.

Sehubungan itu, kaedah peng-

ikiraan seumpama itu juga ada dalam perancangan Kementerian Kesihatan agar ianya dilaksanakan pada perkhidmatan-perkhidmatan yang lain.

Menurut Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan juga ada melancarkan Program Penghargaan Perkhidmatan Kementerian Kesihatan Terbaik bagi pelbagai kategori perkhidmatan seperti Pusat-pusat Kesihatan, Klinik-klinik Kesihatan dan Perubatan Pakar, Wad-wad Hospital yang telah berlangsung pada bulan November 2012 yang lalu.

Program tersebut katanya, merupakan salah satu inisiatif dan bertujuan untuk memantau secara berterusan dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan ke arah lebih cemerlang secara objektif dan bersistematik.

Di samping itu juga, ia dapat

menggalakkan lagi bagi setiap jabatan atau bahagian-bahagian yang lain untuk terus komited, proaktif dan inovatif secara bersatu dan bersama-sama meningkatkan perkhidmatan dan kecekmerlangan masing-masing.

Tambahnya, bagi perkhidmatan jabatan-jabatan yang di bawah tahap kurang memuaskan, pemerhatian dan pemantauan dari semasa ke semasa akan dilakukan dalam melaksanakan pembaikan dan pengemaskinian mutu perkhidmatan tersebut.

Yang Berhormat menjelaskan, Kementerian Kesihatan juga telah meneliti keperluan dan meningkatkan mutu Perkhidmatan Ambulans di seluruh negara.

Jelasnya, kementeriannya meningkatkan mutu perkhidmatan serta mempercepatkan 'respond time' semasa menangani kes-kes

kecemasan dan kemalangan.

"Kementerian Kesihatan telah mengenal pasti dan menambah Perkhidmatan Ambulans di pusat-pusat kesihatan yang difikirkan bersesuaian lagi strategik seperti Pusat Kesihatan Muara, Pusat Kesihatan Jubli Perak Sengkuring dan Pusat Kesihatan Pengkalan Batu dengan menyediakan Perkhidmatan Ambulans dari jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengah malam dengan memulakan perkhidmatannya pada awal bulan Januari 2013," ujarnya lagi.

Yang Berhormat juga menyentuh mengenai Perkhidmatan Ambulans 24 jam yang berpangkalan di hospital-hospital seluruh negara termasuk Pusat Sungai Liang yang telah pun beroperasi seperti biasa sejak sekian lamanya.

Projek Kementerian Kesihatan mantapkan sistem kesihatan negara



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof. - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 23 Mac. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Kesihatan akan sentiasa menggandakan usaha secara berterusan bagi memperkembangkan dan memantapkan lagi sistem perkhidmatan dan penjagaan kesihatan, dalam mendukung Wawasan Negara Brunei Darussalam 2035 sejajar dengan Visi Kementerian Kesihatan iaitu 'Bersama Ke Arah Warga Sihat'.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof menyatakan perkara tersebut semasa menyampaikan mukadimahnya pada persidangan dalam Mesyuarat Pertama Dalam Musim Permesyuaratan Kesembilan Majlis Mesyuarat Negara (MMN), hari ini.

"Sistem perkhidmatan dan penjagaan kesihatan yang sedia ada yang bermula dari peringkat asasi (primary) hinggalah kepada *secondary* dan *tertiary* dengan mengadaptasikan kaedah penjagaan kesihatan yang komprehensif secara universal serta amalan-amalan terbaik yang merangkumi bukan sahaja dari aspek mempromosi kesihatan rawatan, pemulihan malahan juga pencegahan dan pengawalan penyakit-penyakit," ujar Yang Berhormat.

Ke arah ini katanya, beberapa usaha telah giat dijalankan dan akan dilaksanakan untuk memperluaskan dan mengukuhkan lagi sistem tersebut demi meningkatkan perkhidmatan yang lebih berkualiti, efisien dan efektif bagi menjamin tahap kualiti kesihatan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini.

Menurut Yang Berhormat, usaha-usaha tersebut meliputi pembaikan dan meningkatkan lagi taraf infrastruktur bangunan-bangunan hospital, pusat-pusat kesihatan, klinik-klinik kesihatan serta makmal-makmal dan kemudahan yang berkaitan dengan perkhidmatan dan penjagaan kesihatan yang mengikut keutamaan dan keperluan masyarakat dan negara.

Oleh itu, melalui Rancangan Kemajuan Negara, projek prasarana kesihatan akan terus dilaksanakan dan dirancang mengikut keperluan dan keutamaan supaya penjagaan dan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti dan selesa mudah diperolehi secara

Laporan : Pg. Haji Waliyuddin Pg. Haji Ahmad

saksama oleh segenap lapisan rakyat dan penduduk di negara ini.

Proses pelaksanaan serta rancangan yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu antara lain merupakan projek-projek infrastruktur yang telah siap pada tahun 2012 dan sudah mula beroperasi iaitu seperti Projek Bangunan Makmal Sainifik, Makmal Kesihatan Awam dan Pusat Pengasingan Kebangsaan di Daerah Tutong, dan Pusat Kesihatan Kampung Pengkal Batu.

Manakala projek-projek besar lainnya yang dalam proses pembinaan ialah Pusat Kesihatan Gadong baru bagi menggantikan Pusat Kesihatan Rimba dan pembinaan Blok Perempuan dan Kanak-Kanak di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) yang menelan belanja sebanyak BND63,897,000, yang masing-masingnya akan siap pada bulan April 2013 dan kemudiannya Mac 2014.

Penduduk di Daerah Temburong menurutnya juga tidak ketinggalan untuk merasakan kelesaan dengan adanya projek-projek pembesaran, pengubahsuaian dan penaiktarafan Unit Dialisis, Hospital Pengiran Isteri Hajah Mariam kepada Pusat Dialisis dan Pusat Kesihatan di daerah tersebut yang di jangka siap pada hujung tahun 2013.

Yang Berhormat menjelaskan bahawa projek-projek tersebut juga sedang giat dijalankan di Pusat Kesihatan Seria, Pusat Kesihatan Kuala Belait dan Bangunan Perkhidmatan Farmasi.

Sementara itu katanya, kontraktor bagi pembinaan Projek Bangunan Stor Perubatan dan Kesihatan Negara juga telah dibenarkan dan makmal bagi Pusat Pengasingan Kebangsaan di Daerah Tutong akan dilaksanakan pembinaannya sedikit masa lagi.

Tambahnya, konsultan bagi Projek-projek Pusat Kesihatan Berakas 'B' di kawasan Perpindahan Lambak Kanan dan Pusat Kesihatan Sultan Omar 'Ali Saifuddin di Kampung Sungai Kebun telah dilantik pada bulan Februari 2013 dan pada masa ini dalam proses penyediaan reka bentuk bangunan projek berkenaan.

Yang Berhormat menjelaskan, dalam mempertingkatkan sistem perkhidmatan kesihatan agar lebih holistik dan berasaskan kepada *evidence based* serta meningkatkan lagi nilai organisasi dari segi kualiti, efisiensi dan keberkesanan pengurusan, perkhidmatan dan penjagaan kesihatan, dua projek khusus juga sedang dijalankan pada masa ini.

Projek pertama yang dimaksudkan Yang Berhormat ialah Pelan Induk Sistem dan Infrastruktur Penjagaan Kesihatan Negara Brunei Darussalam yang dijangka siap pada hujung tahun 2013 yang akan menyediakan garis panduan dalam komponen-komponen utama sistem penjagaan kesihatan merangkumi aspek pentadbiran, kewangan, pemberian perkhidmatan, sumber tenaga manusia, pembekalan dan penyediaan produk dan teknologi perubatan dan penggunaan maklumat serta

pelaksanaan penyelidikan kesihatan.

Pelan induk tersebut akan memberikan hala tuju perancangan strategik yang lebih komprehensif dalam jangka masa pendek, sederhana atau panjang, sejajar dengan Wawasan Negara Brunei Darussalam 2035 yang menggariskan strategi-strategi sekuriti, pembangunan infrastruktur, sosial dan jaminan sosial.

Kata Yang Berhormat, projek kedua yang dalam proses penelitian merupakan Pelan Induk Hospital RIPAS bertujuan bagi menaik taraf, memperku-

kuh dan mempertingkatkan lagi keperluan pemberian perkhidmatan termasuk keperluan infrastruktur sesuai dengan fungsinya sebagai perkhidmatan *secondary* dan *tertiary* ke arah lebih berkualiti, efisien dan cemerlang.

"Alhamdulillah, projek 'Brunei Darussalam Healthcare Information Management System' atau lebih dikenali sebagai Bru-HIMS yang mengubah *landscape system conventional record* kesihatan kepada e-Kesihatan telah dilaksanakan secara berperingkat-peringkat yang dimulai di Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Daerah Tutong pada bulan Julai 2012

dan baru-baru ini diperkenalkan di Hospital Suri Seri Begawan, Kuala Belait, manakala di Hospital RIPAS, dimulakan dengan peringkat pendaftaran ke dalam Sistem BRU-HIMS pada 13 Mac 2013 yang lalu," terang Yang Berhormat.

Projek sistem tersebut berhasrat untuk memperkenalkan Rekod Elektronik Pesakit dan mengintegrasikan pengurusan maklumat pesakit di semua hospital, pusat-pusat kesihatan dan klinik-klinik kerajaan sekali gus merupakan pelengkap kepada sistem penjagaan kesihatan negara dan akan turut menyumbang kepada peningkatan kualiti serta keberkesanan perkhidmatan yang ada.

Doktor perubatan belum balik bertugas ke negara ini dipantau

Laporan : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 23 Mac. - Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof menjelaskan, Kementerian Kesihatan berterusan melaksanakan proses pemantauan ke atas doktor-doktor perubatan dan pergigian tempatan yang belum balik ke negara ini untuk berkhidmat di kementerian tersebut.

Katanya, Kategori Pertama ialah bagi mereka yang tamat pengajian bidang perubatan dan pergigian di bawah Ikat Janji Skim Dermasiswa Kerajaan di mana sebelum ini seramai 29 doktor yang dikenal pasti belum melapor diri untuk bertugas balik ke negara ini.

Yang Berhormat menjelaskan perkara tersebut bagi menjawab usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Gapor@Haji Mohd. Daud bin Karim mengenai usaha-usaha Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pendidikan bagi memastikan doktor-doktor dan juga penuntut-penuntut mengambil kursus perubatan balik berkhidmat ke negara ini pada Majlis Mesyuarat Pertama Dalam Musim Permesyuaratan Kesembilan Majlis Mesyuarat Negara (MMN) berlangsung, di Dewan MMN, Berakas, di sini.

Yang Berhormat menjelaskan, alhamdulillah, usaha Kementerian Kesihatan dengan kerjasama Kementerian Pendidikan serta kerjasama agensi-agensi kerajaan yang lain, maka seramai lapan doktor telah pun melapor diri untuk bertugas manakala, seramai sembilan lagi telah pun memberikan maklumat keberadaan mereka dan telah diberi kebenaran untuk meneruskan pengajian lanjutan iaitu dalam pelbagai bidang kepakaran dan perubatan.

Akan tetapi jelasnya, yang selainnya seramai 12 lagi masih bertahan, tetapi arahan balik bertugas di negara ini masih dikekalkan dan diproses tindakan perundangan atas sebab tidak memenuhi ikat janji biasiswa kerajaan sedang dilaksanakan dengan kerjasama pihak Pejabat Peguam Negara (PPN).

Menurut Yang Berhormat, Jawatankuasa Kawal Selia Doktor-doktor Perubatan dan Pergigian Tempatan Kementerian Kesihatan dipengerusikan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan dan keahliannya daripada agensi kerajaan yang berkenaan berterusan memantau kemajuan dan perkembangan pengajian mereka dalam bidang pengajian bidang perubatan.

Kategori Kedua pula, jelas Yang Berhormat, ialah mereka yang tamat menjalani Latihan Dalam Perkhidmatan yang mana masa ini seramai tiga doktor yang telah berkhidmat di bawah Kementerian Kesihatan didapati belum melapor diri.

Walau bagaimanapun jelasnya, keberadaan mereka telah pun dikesan dan usaha-usaha serta tindakan-tindakan tertentu akan

diteruskan termasuk mengadakan perundingan untuk mereka ini balik bertugas ke kementerian berkenaan secepat mungkin.

Di samping itu jelas Yang Berhormat, dalam menangani isu di mana doktor-doktor perubatan dan pergigian tempatan yang belum melapor diri untuk berkhidmat dengan Kementerian Kesihatan, beberapa langkah telah pun terus dilaksanakan dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan yang lain.

Kerjasama dari Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan untuk memasukkan nama-nama mereka yang belum melapor diri ke Kementerian Kesihatan ke dalam senarai Stop List supaya keberadaan mereka khususnya bilamana mereka balik ke negara ini supaya akan dapat dikesan dan diarahkan untuk melaporkan diri ke Kementerian Kesihatan.

Sementara itu tambahnya, kerjasama dari pihak Suruhanjaya Tinggi dan Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam di luar negeri juga dibuat supaya mana-mana permohonan untuk membaharui pasport daripada mereka ini hanya dipertimbangkan untuk dikeluarkan pasport kecemasan sahaja.

Yang Berhormat menjelaskan, langkah tersebut adalah semata-mata untuk membolehkan mereka itu menjalani satu perjalanan sahaja dan terus balik ke negara ini dengan tidak lagi ada transit.

Menurutnya, nama-nama mereka juga telah dihadapkan kepada PPN untuk diambil tindakan undang-undang termasuk bagi menuntut segala perbelanjaan yang diberi oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa mereka menjalani pengajian dan kursus di luar negara.

Jelasnya, pihak Jawatankuasa Kawal Selia Doktor-doktor Perubatan dan Pergigian Tempatan serta lepasan ijazah atau dikenali sebagai Lembaga Latihan dan Penasihat Lulusan Ijazah di bawah Kementerian Kesihatan sentiasa mengikut perkembangan dari semasa ke semasa dan mengambil tindakan yang sewajarnya dalam memastikan mereka yang membayar kursus akan kembali ke negara ini untuk berkhidmat seperti yang dikehendaki mengikut dokumen ikat janji.

Selain itu, jelas Yang Berhormat, usaha-usaha yang dilaksanakan sedikit sebanyak telah menghasilkan perkembangan positif walaupun masih banyak terdapat sebilangan doktor perubatan dan pergigian yang enggan dan gagal untuk balik berkhidmat kepada negara setelah kerajaan membuat pelaburan tinggi dengan membayar pengajian mereka dan perkara ini adalah amat dikesali.

Justeru itu Yang Berhormat menekankan, tindakan-tindakan akan dibuat penelitian lanjut bagi mengatasi perkara ini seperti mengemas kini tataraca pemantauan perkembangan mereka dari semasa ke semasa dalam tempoh mengikut pengajian dan kemungkinan bagi membuat review dan mengemas kini isi perjanjian biasiswa supaya ikat janji akan dipatuhi dan juga mengkaji tataraca dan pemberian biasiswa.

Status pemakanan kanak-kanak membimbangkan

Laporan : Pg. Haji Waliyuddin Pg. Haji Ahmad



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof. - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 23 Mac. - Hasil Kaji Selidik

Status Kesihatan dan Pemakanan Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Kali Ke-2 bagi tahun 2009 - 2011 untuk kanak-kanak yang berumur di bawah 5 tahun adalah di bawah tahap yang begitu membimbangkan.

Justeru itu, Kementerian Kesihatan telah menubuhkan satu kumpulan petugas dalam menjalankan pengawalan rapi penjagaan pemakanan untuk ibu, anak-anak damit dan kanak-kanak.

Kumpulan berkenaan akan meneliti lebih lanjut lagi hasil kaji selidik tersebut dalam mengenal pasti, memantau dan melaksanakan pelan-pelan tindakan strategik, yang menjurus kepada hal ehwal pemakanan.

Ini dijelaskan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof semasa

menyampaikan mukadimah pada persidangan Mesyuarat Pertama Dalam Musim Permesyuaratan Kesembilan Majlis Mesyuarat Negara, di Dewan Majlis, di sini.

Di samping itu, kumpulan tersebut juga membuat langkah pencegahan faktor-faktor risiko kesihatan ke arah meningkatkan tahap kesihatan lebih berkualiti dan membudayakan cara hidup sihat demi membentuk generasi baru yang lebih cergas, aktif, produktif serta dinamik dari segi mental dan fizikal dan seterusnya dapat memantapkan lagi sosioekonomi negara pada masa akan datang.

Oleh itu, Yang Berhormat juga berharap kepada sektor-sektor kerajaan dan bukan kerajaan, serta masyarakat agar memberikan kerjasama dan komitmen dengan Kementerian Kesihatan untuk memastikan 'Health in All Policies' tersebut berjalan dengan lancar, dalam sama-sama menamai dan bertanggungjawab membentuk warganegara yang sentiasa sihat dan aman sejahtera.

“TANDA-TANDA awal seperti ini mempunyai risiko-risiko yang boleh menyumbang kepada penyakit-penyakit yang tidak berjangkit seperti darah tinggi, kencing manis (diabetes), penyakit jantung dan pernafasan yang kronik yang sudah setentunya akan membebankan diri mereka, keluarga dan negara jika tidak diambil langkah-langkah pengawalan awal secara berkesan dan komprehensif apabila mereka menjadi belia dan dewasa,” ujar Yang Berhormat.

Kaji selidik yang dikongsikan oleh Yang Berhormat melaporkan sebanyak 8.8 peratus kanak-kanak mempunyai berat badan yang berlebihan (overweight), dan 3.3 peratus dalam berkeadaan obesiti, manakala kanak-kanak yang baru mencapai umur 1 tahun serta sudah diberikan minuman manis telah mencapai dalam lingkungan 8.7 peratus.

“Tanda-tanda awal seperti ini mempunyai risiko-risiko yang

boleh menyumbang kepada penyakit-penyakit yang tidak berjangkit seperti darah tinggi, kencing manis (diabetes), penyakit jantung dan pernafasan yang kronik yang sudah setentunya akan membebankan diri mereka, keluarga dan negara jika tidak diambil langkah-langkah pengawalan awal secara berkesan dan komprehensif apabila mereka menjadi belia dan dewasa,” ujar Yang Berhormat.

Rumah kerajaan memerlukan pembaikan diambil maklum

Laporan : Khartini Hamir

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 21 Mac. - Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman berkata rumah kerajaan yang perlu pembaikan di Daerah Belait telah diambil maklum, manakala rundingan akan dibuat dengan pihak-pihak yang berkenaan di Kementerian Pembangunan supaya perkara itu dapat diambil perhatian.

Menteri Pembangunan menyatakan perkara itu semasa menjawab persoalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin pada Mesyuarat Pertama Dalam Musim Permesyuaratan Kesembilan Majlis Mesyuarat Negara petang kelmarin.

Manakala mengenai Jalan Keluar Dipa Negara ke Seria menggunakan jalan pusing, cadangan itu terang Yang Berhormat akan diambil maklum dan juga akan dibincangkan di Kementerian Pembangunan dan Jabatan Kerja Raya (JKR).

“Tapi pada pandangan saya sendiri tidak jadi masalah jalan pusing keliling, tidaklah jauh dari Jalan Dipa Negara kepada pusing keliling itu. Insha-Allah akan diusahakan juga dan sudah ada perancangan untuk satu jalan keluar yang lain, jika ada detailnya akan dikongsikan apabila sudah ada nanti,” ujar Menteri Pembangunan.

Terdahulu, Ahli Yang Dilantik Mewakili Daerah-Daerah, Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof mengongsikan pandangan dan memberikan cadangan bagi pihak Jabatan Kerja Raya meningkatkan

perkhidmatan kepada orang ramai termasuk memelihara aset perumahan.

Menyentuh pemeliharaan rumah-rumah kerajaan terang Yang Berhormat, beliau memfokuskan di kawasan Kuala Belait dan Seria di mana ia perlu diambil perhatian setelah melihat banyak bangunan rumah-rumah pangsa, berek-berek kerajaan yang mengalami kerosakan atau dirosakkan oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab.

Perkara ini berlaku jelas Yang Berhormat adalah disebabkan rumah tersebut tidak berpenghuni dan sejak sekian lama dikosongkan atau dibiarkan kosong yang memerlukan pembaikan kerana ia dinantikan oleh pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan yang memerlukan tempat tinggal sementara sebelum mendapat rumah persendirian terutama sekali bagi mereka yang datang dari daerah-daerah lain di negara ini.

Yang Berhormat berharap sebaik sahaja rumah-rumah tersebut diperbaiki, ia akan dapat diperuntukkan dengan segera kepada pemohon-pemohon bagi mengelakkannya dirosakkan sekali lagi.

Menyentuh jalan keluar dari perumahan Jalan Dipa Negara menuju ke Seria yang terpaksa melalui Pusing Keliling Jalan Pandan 5, menurutnya perkara itu juga akan menambahkan kesesakan lalu lintas di kawasan tersebut.

Dari itu Yang Berhormat mencadangkan supaya jalan ini diambil perhatian oleh pegawai-pegawai dari dua kementerian iaitu Kementerian



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman. - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.

Perhubungan dan JKR Kuala Belait untuk merancang pembinaan jalan yang menghubungkan Jalan Simpang 23 Jalan Dipa Negara dengan Pusing Keliling Jalan Singamenteri Pandan 7 yang panjangnya kira-kira 120 meter sahaja.

Dengan terbinanya jalan tersebut ujar Yang Berhormat, akan dapat memberi kemudahan dan mengurangkan kesesakan lalu lintas di Pusing Keliling Jalan Pandan 5 dan sekali gus memendekkan masa perjalanan menuju ke masjid dan kedua-dua buah sekolah menengah di Kampung Pandan 'B' dan 'C'.

“Dalam hubungan ini, saya berharap supaya jalan yang itu akan dapat diberi keutamaan bagi kemudahan penduduk-penduduk di kawasan Jalan Dipa Negara Kampung Mumong yang mempunyai bilangan rumah hampir 200 buah dan dengan jumlah kereta hampir 400 buah dengan keramaian penduduk 1000 orang,” saran Yang Berhormat.

Beberapa Akta Kesihatan dipinda

Laporan : Pg. Haji Waliyuddin Pg. Haji Ahmad

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 23 Mac. - Kementerian Kesihatan akan memberikan keutamaan kepada pengukuhan serta memperkesakan lagi perundangan negara mengenai bidang kesihatan sebagai komponen penting dalam mendukung kepada matlamat untuk melindungi kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan awam.

Cadangan penggubalan undang-undang baru mengenai kesihatan awam khususnya bagi kawalan vektor sudah diusahakan serta dalam proses penelitian yang bertujuan untuk memperkesakan lagi pengawalan dan langkah-langkah pencegahan penyakit-penyakit bawaan vektor seperti denggi, malaria dan filiaris di negara ini.

Perkara itu dinyatakan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof semasa menyampaikan mukadimah pada persidangan Dalam Musim Permesyuaratan Kesembilan Majlis Mesyuarat Negara (MMN).

“Selain daripada Akta Kesihatan Awam Makanan dan Peraturan-peraturan yang sedia wujud di negara kita, Kementerian Kesihatan juga sedang meneliti dan akan mencadangkan Pindaan Peraturan-peraturan Kesihatan Awam (Kebersihan Makanan) yang dihasratkan juga untuk mengemas kini dan memperkesakan lagi prosedur penguatkuasaan terhadap kebersihan dan

keselamatan makanan semata-mata bagi menghindarkan dari sebarang ancaman yang boleh menjejaskan kesihatan dan keselamatan awam,” terang Yang Berhormat.

Oleh itu, Pemberitahuan Tembakau (Larangan Di Tempat-tempat Tertentu) (Pindaan) 2012 yang berkuat kuasa mulai 1 Mac 2012 yang bertujuan memperkesakan lagi langkah-langkah penguatkuasaan dalam mengurangkan faktor risiko merokok khususnya memudaratkan kesihatan awam dan alam sekitar akan ditambah luas tempat-tempatnya kepada pasar, tamu, terminal bas, lapangan terbang dan *check point* keluar/masuk.

Manakala, Peraturan-peraturan Tembakau (Perlabelan) (Pindaan) 2012 yang mula berkuat kuasa pada 1 September 2012 akan ditambah peratusannya untuk keluasan permukaan bagi percetakan amaran kesihatan kepada 75 peratus, sekali gus bertujuan untuk memperkesakan lagi amaran kesihatan tersebut.

“Alhamdulillah, langkah sedemikian ini telah mendapat perhatian dan pengiktirafan bagi peringkat global yang mana Negara Brunei Darussalam adalah ditempatkan di tangga ke-4 bagi amaran kesihatan bergambar terbesar di kotak rokok di seluruh dunia.

“Negara Brunei Darussalam juga diiktiraf mempunyai amaran kesihatan yang bergambar terbesar di kalangan negara-negara ASEAN,” ujar Yang Berhormat lagi.

Isu jalan raya mendapat perhatian MMN

Laporan : Khartini Hamir

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 21 Mac. - Mesyuarat Pertama Dalam Musim Permesyuaratan Kesembilan Majlis Mesyuarat Negara petang kelmarin meluluskan Tajuk SK03A - Jabatan Kerja Raya dijadikan sebagai sebahagian daripada jadual.

Terdahulu Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman menjelaskan beberapa persoalan, saranan, cadangan dan pandangan daripada beberapa Ahli Yang Berhormat pada sesi perbahasan di Peringkat Jawatankuasa.

Menjawab persoalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim mengenai pembinaan jalan masuk ke rumah persendirian, Menteri Pembangunan menjelaskan pada masa ini syaratnya ialah untuk tujuh buah rumah sahaja sebelum dapat dibangunkan kerana jika dibuat kurang daripada itu maka perbelanjaan kerajaan akan meningkat begitu banyak.

“Jadi kalau kita memikirkan bukan seorang dua yang memohon bahkan ramai yang akan memohon, maka akan menjadi beban kepada pihak kerajaan. Dasar kita adalah mana-mana kumpulan rumah yang sudah cukup jumlahnya barulah dapat diberikan kemudahan sedemikian,” ujarinya.

Mengenai jambatan Ban 6 di Kampung Mulaut, yang sejak tahun 2010 belum lagi siap dan sebagainya, perkara tersebut terang Yang Berhormat sebenarnya adalah disebabkan masalah kontraktor, seperti mana yang telah dimaklumi bahawa jambatan itu sebenarnya sudah hampir siap dan menunggu untuk diturap dan akan siap tidak lama lagi.

Mengenai lampu isyarat dibina di Jalan Mulaut, Menteri Pembangunan berkata, perkara ini akan diteliti dari segi keperluan dan kesesuaiannya, jika terdapat kesesuaian insya-Allah lampu isyarat akan dipasang bagi kemudahan perjalanan lalu lintas dan sebagainya.

Menyentuh longkang tersumbat dan jambatan di kawasan Ban 6 pula, Menteri Pembangunan berkata, masalah Jambatan 1 yang sempit sebenarnya sudah ada projek untuk mengganti semua jambatan *bally* yang ada di negara ini dengan jambatan yang lebih besar (double link), jadi perkara itu akan dilaksanakan dalam tahun ini dan tahun

se seterusnya.

“Ada beberapa perancangan yang telah pun berjalan di kawasan Ban iaitu Projek Pengurangan Banjir di Kampung Ban Mulaut Fasa Kedua 76 peratus sudah berjalan. Ini bertujuan untuk mencegah banjir tetapi projek-projek lain juga akan diteruskan dari semasa ke semasa. Longkang konkrit, longkang terkandas yang menyebabkan banjir ini juga akan diusahakan. Sebenarnya mana-mana kawasan yang keadaannya begitu sudah ada pemeliharaan ataupun kumpulan kontrak yang melaksanakan kerja-kerja pembersihan,” ujar Menteri Pembangunan.

Cadangan untuk melebarkan Jalan Mulaut pula tambah Yang Berhormat, sebenarnya jalan tersebut sudahpun dilebarkan pada masa ini, bagaimanapun, cadangan untuk menjadikannya dua *carriageway* sudah ada dalam perancangan dan ia akan dilaksanakan mengikut masa yang sesuai malah untuk jangka panjang sudah ada perancangan untuk membuat dua *carriageway* di Jalan Mulaut sehingga ke Jalan Kuala Lurah.

Sementara itu, mengenai penelitian pusing keliling di Temburong (simpang ketiga Jalan Batang Duri) dan sama ada perancangan untuk menaik taraf jalan utama Jalan Batang Duri, Temada dan lain-lain yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, Menteri Pembangunan menjelaskan, memang sudah ada rancangan untuk meneliti pusing keliling di Temburong dan perkara ini akan dilaksanakan dalam masa singkat kerana didapati ada keperluan di sana.

Berkenaan perancangan untuk menaik taraf jalan utama Jalan Batang Duri ke Temada pula terang Yang Berhormat, perkara tersebut telah pun dipohonkan dan berharap perkara itu akan diberi keutamaan sementara masih dalam status keadaan yang sama.

Mengenai jambatan kedua di Daerah Temburong yang juga ditimbulkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman, Menteri Pembangunan menerangkan bahawa sebenarnya kajian mengenai jambatan kedua di daerah tersebut telahpun bermula dan hasil dari kajian itu nanti akan dimaklumkan dan jika ada keperluan, sebuah laporan akan diusahakan bagi mendapatkan peruntukan dan ia terpulung kepada hasil kajian

dengan konsep Melayu Islam Beraja (MIB) diterapkan di jalan-jalan raya, lebuh raya, tembok-tembok supaya Negara Brunei Darussalam Nampak seperti sebuah negara MIB, Negara Zikir dan sebagainya.

Perkara itu terang Yang Berhormat Menteri Pembangunan, akan diambil perhatian oleh pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) dan insya-Allah mana-mana



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman. - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.

itu nanti.

Mengulas persoalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Lahit mengenai kesesakan Jalan Telisai, Tanjong Maya, Bukit Beruang, Sekolah Rendah Telisai dan sebagainya, menurut Menteri Pembangunan perkara itu telah pun diambil tindakan dan usaha ke arah ini sudah dalam perancangan dan insya-Allah perkara tersebut akan dimaklumkan lagi apabila sudah menerima butir-butir kerja yang telah dibuat.

“Mengenai Jalan Danau, jalan utama itu tidak ada jalan lain dan oleh kerana tambahan kesesakan di kawasan tersebut maka cadangan untuk menaik taraf untuk melebarkan longkang daripada Stesen Minyak Telisai sudah ada dalam perancangan akan tetapi bukan tahun ini dan insya-Allah akan diusahakan dalam perancangan Kementerian Pembangunan dalam tahun 2014 ke tahun 2015. Berkenaan Jalan Kuala Agau Melabau, perkara itu juga ada dalam perancangan dan akan dikongsikan apabila telah mendapat butir-butir mengenai,” kata Menteri pembangunan.

Berikutan kebimbangan mengenai tanah yang runtuh, bukit susur hingga ke sungai dan ke jalan dan menyebabkan Sungai Telamba menjadi cetek terang Yang Berhormat Menteri Pembangunan, maka satu projek pengorekan telah pun dimulakan pada bulan Januari 2012 dan kini sudah menjangkau tahun 2013 namun perkara ini masih dalam penelitian sebab terdapat lagi beberapa isu teknikal yang patut diselesaikan sebelum projek itu dimulakan, jadi memang ada perancangan untuk pengorekan Sungai Telamba itu supaya tidak begitu cetek seperti yang ada sekarang.

yang dapat diserapkan konsep MIB, akan diserapkan konsep tersebut ke dalam bangunan-bangunan dan dalam pembinaan jalan-jalan raya dan sebagainya.

Terdahulu, Ahli Yang Dilantik Orang-Orang Yang Telah Mencapai Kecemerlangan, Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi memberikan pandangan bagi membina reka bentuk dan hiasan-hiasan lebuh raya mengikut reka bentuk yang bernilai keislaman bagi menyelaraskan dan mengamalkan konsep MIB.

Pada pandangan Yang

Projek meruntuh bangunan MTSSR dibuat tawaran semula

Laporan : Khartini Hamir

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 21 Mac. - Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman menjelaskan, bangunan Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal (MTSSR) sudah dimasukkan untuk diruntuh, tetapi pihak Kementerian Pendidikan telah memberhentikan kerja-kerjanya dan melakukan semula tawaran (retender) projek bagi meruntuh bangunan berkenaan dan kini masih menunggu keputusan daripada pihak Kementerian Pendidikan.

Menteri Pembangunan menyatakan perkara itu ketika menjawab persoalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin mengenai dengan MTSSR yang masih berdiri, tetapi dalam keadaannya yang sangat buruk.

Terdahulu, Ahli Yang Dilantik Orang-Orang Yang Telah Mencapai Kecemerlangan Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia menyatakan mengenai sebuah bangunan lama iaitu bekas bangunan MTSSR yang nampaknya akan diroboh kerana sudah nampak sebahagian kecil bangunan berkenaan telah dirobohkan.

Yang Di-Pertua Majlis dalam pada itu juga memberikan kesempatan kepada Menteri Perhubungan untuk menjawab mengenai persoalan yang diutarakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Ramli semasa membincangkan Jadual Kementerian Hal Ehwal Ugama berkenaan dengan pengecualian cukai jalan raya bagi kereta jenazah.

Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar menjelaskan dua perkara yang berkaitan iaitu mengenai pemeriksaan kereta dan cukai jalan.

Menteri Perhubungan menjelaskan, pemeriksaan kereta melibatkan apa juga jenis kereta yang akan dipakai di jalan raya mestilah mempunyai *road worthiness inspection*.

Namun terang Yang Berhormat, bangunan berkenaan nampaknya terbiar dengan begitu lama, lebih kurang setahun dan masih dalam keadaan yang sama.

Menurut pemerhatian Yang Berhormat, dari segi keselamatan, kebersihan dan keindahan kawasan, bangunan berkenaan bukan sahaja pemandangannya kurang elok dan tidak cantik, tetapi persekitarannya juga kurang selamat malah membahayakan keadaannya.

“Ini juga menakutkan jika bangunan berkenaan dijadikan tempat atau sarang bagi kegiatan-kegiatan atau perbuatan-perbuatan yang tidak sihat dan tidak baik oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab,” ujar Yang Berhormat.

Perkara itu juga katanya menjadi tanda tanya kepada orang ramai, kenapa proses meroboh bangunan berkenaan seolah-olah tergendala begitu lama atau sekiranya agak sukar untuk meroboh dengan cara yang ada sekarang, apakah tidak ada cara atau kaedah lain yang boleh digunakan untuk meroboh bangunan tersebut sebagaimana yang dikendalikan oleh negara-negara luar yang lain untuk meruntuhkan atau merobohkan bangunan-bangunan di negara mereka.

Mengenai pengecualian dari cukai jalan katanya, mengikut perundangan atau peraturan yang ada bahawa pengecualian ini hanya dapat diberikan kepada kereta-kereta kepunyaan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan dapat diberikan oleh Kementerian Kewangan.

“Oleh yang demikian, Kaola bercadang supaya perkara ini akan dapat dipertimbangkan oleh masjid-masjid yang berkenaan dan setelah itu bolehlah dirundingkan dengan Kementerian Kewangan. Cukai-cukai jalan ini hanyalah dalam jumlah lebih kurang BND50 setahun sahaja yang mana kadang-kadang proses untuk mendapatkan pengecualian itu kalau dikira kepada *transaction costnya* adalah lebih mahal daripada kos cukai jalan berjumlah BND50 tersebut,”

Penerapan konsep MIB di jalan raya, bangunan disambut baik

Laporan : Khartini Hamir

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 21 Mac. - Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman menyambut baik cadangan Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman mengenai

dengan konsep Melayu Islam Beraja (MIB) diterapkan di jalan-jalan raya, lebuh raya, tembok-tembok supaya Negara Brunei Darussalam Nampak seperti sebuah negara MIB, Negara Zikir dan sebagainya.

Perkara itu terang Yang Berhormat Menteri Pembangunan, akan diambil perhatian oleh pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) dan insya-Allah mana-mana

Berhormat, sudah tiba masanya kita di Negara Brunei Darussalam membina, mengikuti, mendampingi dan mengamalkan penuh konsep MIB demi mempertahankan sikap taat kepada raja dengan sendirinya taat kepada perintah Allah Subhanahu Wata'ala.

“Dengan melahirkan suasana dan perasaan keislaman di lebuh raya, tembok-tembok di lebuh raya, jejantas-jejantas, perhiasan-perhiasan dan apa-apa yang dibangunkan di sepanjang lebuh raya, direka dengan bentuk rekaan keislaman yang menarik

akan dapat menghidupkan lagi perasaan semangat lebih cintakan agama dan memberikan imej dan pengenalan negara ini sebagai negara Islam yang mengamalkan konsep MIB,” ujar Yang Berhormat.

Selain itu katanya, ia juga akan memberi kelainan daripada negara lain di rantau ini dan akan memberikan daya tarikan kepada pelancong-pelancong yang ingin melihat kelainan suasana dan mahu merasai pengalaman sesuatu yang berlainan rekaan dan hiasan yang terdapat di negara ini.

Jambatan Sungai Pendaruan dijangka siap Ogos 2013

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 23 Mac. - Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar menjelaskan beberapa inisiatif strategik selaras dengan enam teras Kementerian Perhubungan antaranya kerjasama antarabangsa dan kemudahan pengangkutan dan projek-projek yang menjurus kepada sekuriti dan keselamatan.

Perkara itu dinyatakan oleh Yang Berhormat semasa menyampaikan mukadimahnya pada Perbincangan Peringkat Jawatankuasa Mesyuarat Pertama Dalam Musim Permesyuaratan Kesembilan Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang berlangsung di Dewan MMN pada sebelah petang.

Yang Berhormat menjelaskan, Projek Membina Jambatan Menyeberangi Sungai Pendaruan dengan peruntukan RKN 10 yang disokong sebanyak BND6,500,000 sedang dalam pelaksanaan dan dijangka siap pada bulan Ogos 2013 ini.

Jelasnya, harga keseluruhan projek tersebut ialah RM20,801,468.86 dan dibina oleh kontraktor Malaysia dengan

Laporan : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

kos pembinaan dikongsi sama oleh Negara Brunei Darussalam dan Malaysia.

Tambahnya, projek berkenaan dipantau melalui Joint Project Team (JPT) yang dipengerusikan bersama oleh kedua di peringkat Setiausaha Tetap di Kementerian Perhubungan NBD dan Ketua Setiausaha di Kementerian Kerja Raya di Malaysia.

Menurut Yang Berhormat, projek berkenaan diselenggarakan kebanyakannya oleh Jabatan Jalan Raya, Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan.

Di samping itu, Yang Berhormat menyentuh mengenai Projek-projek yang menjurus kepada sekuriti dan keselamatan seperti Projek Sistem Mata Demerit (Demerit Points System-DPS), Pemanduan Berhemah, Had Laju Kenderaan, Inisiatif Keselamatan Jalan Raya, Kerja-kerja Mengawasi Penumpahan Minyak dan Keselamatan Pengangkutan Maritim.

Yang Berhormat menjelaskan, DPS adalah sebahagian daripada rancangan Majlis Kebangsaan

Keselamatan Jalan Raya (MKJR) seperti yang dinyatakan dalam Pelan Tindakan Dekad Tindakan NBD bagi Keselamatan Jalan Raya 2011/2020.

Yang Berhormat menambah, ia telah dilancarkan pada 3 Mei 2012 dalam jangka masa percubaan selama setahun, sistem tersebut bertujuan untuk menanamkan budaya pemanduan yang lebih selamat.

Fungsi DPS jelasnya, adalah untuk mengenal pasti pemandu-pemandu yang berisiko tinggi dan mempunyai sikap pemanduan yang sering melanggar peraturan-peraturan jalan raya, ianya juga akan menjadi satu mekanisme bagi memastikan pemandu di negara ini akan lebih berdisiplin dan mematuhi peraturan-peraturan yang ada.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, dalam Pemanduan Berhemah, para pengusaha sekolah memandu dan jurulatih memandu telah menjalani Kursus Pemanduan Berhemah.

Mereka itu jelas Yang Berhormat, disaran untuk mengongsikan maklumat ini

kepada pemandu-pemandu baru dan menurunkan atau menimbulkan sikap-sikap ini dalam diri pemandu-pemandu.

Itu katanya, diharap akan dapat menghasilkan pemandu-pemandu yang lebih mahir, berpengetahuan dan yang mustahak sekali lebih berhemah dan bertimbang rasa.

Bagi Had Laju Kenderaan pula, Yang Berhormat menjelaskan, Kementerian Perhubungan melalui Jabatan Pengangkutan Darat (JPD) telah meneliti semula had laju bagi kenderaan berat, kenderaan perkhidmatan awam dan treler.

Pada 12 Mac 2013 lalu katanya, had laju bagi kenderaan berat, kenderaan pengangkutan awam dan treler diubah kepada 65 dan 75 km sejam di kawasan-kawasan 60 ke 80 km sejam bagi had laju di luar kawasan tertakluk kepada jenis dan berat kenderaan.

Selain itu jelas Yang Berhormat pada Inisiatif Keselamatan Jalan Raya, MKJR juga telah bekerjasama dengan pelbagai agensi kerajaan dan swasta dalam aktiviti-aktiviti meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai keselamatan jalan raya dari semasa ke semasa.




MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar. - Foto : Haji Ariffin Md. Noor.

Sementara itu jelas Yang Berhormat lagi, Kerja-kerja Mengawasi Penumpahan Minyak dan Keselamatan Pengangkutan Maritim itu sentiasa diteruskan secara berterusan oleh Jabatan Laut dengan kerjasama agensi-agensi yang lain.

Kesesakan jalan raya di Berakas 'A' dan 'B' perlu diatasi

Laporan : Khartini Hamir



YANG Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain. - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 21 Mac. - Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain pada Majlis Mesyuarat Negara yang bersidang pada Peringkat Jawatankuasa mengulangi persoalan mengenai jalan keluar di beberapa zon tertentu antaranya Jalan Berakas A dan Berakas B (iaitu Zon 1) yang telah beliau disuarakan dalam mesyuarat yang lalu khususnya mengenai kesesakan jalan sama ada di waktu pagi, petang ataupun tengah hari.

"Dari itu kementerian berkenaan telah berusaha untuk mengatasi kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh penduduk Zon 1 di Mukim Berakas 'A' dan 'B' dan ternyata pemeliharaan tersebut telah membuat beberapa lencongan jalan dan mempunyai cadangan untuk membuat flyover di tempat yang bersesuaian. Mudah-mudahan pemeliharaan tersebut akan dapat direalisasikan dengan sebaik-baiknya bagi mengatasi masalah yang ada kerana

suasana dan keadaan sudah mendesak", ujarnya.

Selain itu, Yang Berhormat juga menjelaskan mengenai jalan tambahan di Kampung Burung Pingai Berakas yang melibatkan dua buah jalan lain iaitu di Simpang 123 dan Simpang 133, kini telah dibina dengan begitu baik, bagaimana-pun ada beberapa perkara yang mungkin terlepas pandang oleh pihak tertentu bila mana jalan tersebut tidak selayaknya berada di sana, kerana tidak cukup peralatan.

Tambah Yang Berhormat, jalan-jalan tersebut hanya menggunakan simen dan tidak mempunyai lampu jalan yang menyebabkan keadaan gelap-gelita ketika waktu malam dan berharap pihak tertentu akan dapat meneliti semula jalan-jalan tersebut.

Jalan yang ketiga ialah Jalan/Jambatan Rasau yang menurut Yang Berhormat menggunakan sistem tol seperti sebuah bisnis yang khas di mana hasilnya meningkat dari semasa ke semasa dan menguntungkan dengan jaminan risiko yang rendah, tetapi mempunyai pusingan pulangan yang tinggi.

"Dari itu dicadangkan ada baiknya bisnis khas itu akan dapat diserahkan kepada sebuah koperasi rakyat yang besar kerana dalam koperasi itu mereka mempunyai urusan-urusan teknikal yang lengkap. Segala urusan bisnis Rasau itu akan diolah oleh koperasi tersebut dengan hasil-hasilnya akan dikeluarkan dividen dan akan diserahkan kepada siapa-siapa yang berkeperluan," katanya.

Katanya, begitu juga nanti jika terbinanya jambatan dari

Residency ke Tarap Bau dan jambatan dari Bandar Seri Begawan ke Daerah Temburong, mungkin juga akan diadakan tol yang sedemikian jelas Yang Berhormat.

Dengan adanya bisnis tol itu diadakan ujarnya, akan dapat melaksanakan dan menyokong hasrat serta cita-cita Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara *Baldatun Tayyibatun Warabbun Ghafur*.

Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman semasa menjawab persoalan Yang Berhormat Haji A. Ahmad mengenai Jalan Berakas A, Zon 1 menerangkan bahawa sebenarnya sudah ada perancangan bagi *second tier flyover* di kawasan tersebut.

Pada masa ini tambah Menteri Pembangunan, sudah dilaksanakan Berakas *roundabout flyover*, akan tetapi pihak kementerian sudah merancang untuk mengadakan *second tier flyover* di situ dan diharap projek itu nanti akan dapat mengurangkan kesesakan seperti mana yang disuarakan oleh Yang Berhormat Haji A. Ahmad itu.

Mengenai Simpang 123-13 Kampung Burung Pingai, Menteri Pembangunan menyatakan, perkara tersebut akan diteliti dan dipertimbangkan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR).

Berhubung cadangan untuk menyerahkan Tol Rasau kepada koperasi, menurutnya ia akan diteliti terlebih dahulu bagi memastikan bahawa koperasi tersebut boleh mengangkat Rasau ini, bukan saja dari segi pengurusan tol tapi juga *maintenance* di jalan-jalan berkenaan dan sama ada kopersi

tersebut atau mana-mana pihak swasta yang dapat mengangkat Jambatan Rasau tersebut perlu diteliti.

Walaupun nampaknya dari segi kutipan ia dapat menguntungkan tambah Yang Berhormat, tetapi belum ditolak lagi dengan gaji kakitangan, *maintenance* dan sebagainya, perkara itu harus kita teliti sebelum kita membuat sebarang keputusan untuk menyerahkan kepada mana-mana pihak dan perkara ini akan diterangkan lebih lanjut oleh Yang Berhormat Menteri Perhubungan.

Sementara itu, Menteri Perhubungan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar pula menjelaskan, Jambatan Rasau itu telah dibina sebelum tahun 1998, dan pada tahun tersebut timbul keperluan untuk mengenakan tol bagi pengguna jambatan ini.

Bagaimanapun katanya, beberapa masalah juga timbul pada masa itu, misalnya ada sebuah syarikat mengendalikan perkhidmatan feri Sungai Teraban, oleh yang demikian JKR di Kementerian Pembangunan telah menimbulkan keperluan untuk menyediakan tol tersebut, dari itu perundingan telahpun diadakan di antara Kementerian Pembangunan, JKR, Kementerian Perhubungan dan Attorney General Chamber iaitu Peguam Negara.

Apabila diteliti untuk membolehkan pemungutan tol itu, ianya memerlukan satu undang-undang dan undang-undang yang digunakan adalah daripada undang-undang Republik Singapura terang Yang Berhormat.

"Undang-undang Republik Singapura di Bawah Akta Jalan

Raya Chapter 269, jika tidak silap adalah di bawah *purview* Menteri Perhubungan dan sekarang mungkin di bawah Menteri Pengangkutan. Perkara ini senang dibuat di Republik Singapura kerana Land Transport Authority Singapura yang merangkumi bahagian jalan raya yang dulu penguatkuasaannya di bawah JKR sudah diambil alih oleh Polis Jalan Raya.

"Ianya sekarang adalah di bawah LTA dan di bawah kuasa Menteri Perhubungan atau Menteri Pengangkutan. Apabila ianya dibuat di Negara Brunei Darussalam, timbul pula beberapa isu-isu perundangan kerana menteri yang mengawal dalam Penggal 68 iaitu Akta Jalan Raya dan Lalulintas Negara Brunei Darussalam ialah Menteri Perhubungan", ujarnya.

Oleh kerana itu jelas Menteri Perhubungan, ianya dapat membolehkan JKR untuk mengadakan tol tersebut dan Kementerian Perhubungan dalam perenggan enam kuasa tersebut mestilah memberikan kebenaran kepada JKR untuk mengutip tol tersebut dan sistem ini telah berjalan sejak tahun 1998 hingga sekarang.

Pada masa ini jelasnya, Kementerian Perhubungan dan JKR serta Kementerian Pembangunan dan juga Jabatan Peguam Negara sedang meneliti beberapa opsyen yang boleh dibuat sebagai langkah ke hadapan mengenai isu tol ini.

Dalam laporan hansard tahun lepas, terang Yang Berhormat Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin ada mencadangkan supaya tol tersebut ditiadakan sama sekali, saya rasa dalam membincangkan opsyen ini ada beberapa keadaan yang baru dan keperluan serta cadangan itu telah diambil perhatian.

Membina jalan raya perlu kos yang besar

Laporan : Khartini Hamir
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 21 Mac. - Pada perbincangan pada Majlis Mesyuarat Pertama Dalam Musim Permesyuaratan Kesembilan Majlis Mesyuarat Negara petang kelmarin, Ahli Yang Dilantik Orang-Orang Yang Telah Mencapai Kecemerlangan, Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking menyentuh mengenai membina jalan bagi membina rumah baru.

Seperti mana yang disyorkan oleh Yang Berhormat Zon 4 jelasnya, supaya mereka yang membina rumah melalui reserved diberi bantuan khas yang mana tidak terikat kepada syarat mesti ada tujuh buah rumah telah siap dibina di kawasan itu, baru dapat membuat atau membubuh asfalt.

Syarat tersebut terang Yang Berhormat, adalah terlalu berat bagi mereka yang bergaji rendah yang hendak membina rumah melalui Skim Kemudahan Pinjaman Kewangan Kerajaan kerana wang pinjaman hanya diberi untuk membina sebuah rumah sahaja yang tertakluk kepada gaji bulanan dan kenaikan gaji tahunan dalam empat tahun ke hadapan dan mereka tidak ada pinjaman untuk membuat jalan.

Oleh itu Yang Berhormat mencadangkan agar diadakan bantuan untuk membina jalan seperti yang dimaksudkan bagi menggalakkan mereka yang memiliki tanah di kawasan berkenaan untuk membina rumah secara persendirian ataupun melalui pinjaman bank dan dalam masa yang sama dapat mengelak mereka dari berpindah ke tempat lain.



YANG Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking.



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman.

Di samping itu, sebelum adanya jalan tambah Yang Berhormat lagi, kebanyakan penduduk membina rumah mereka di sepanjang sungai kerana sungai tersebut adalah merupakan perhubungan utama dan berharap dengan adanya bantuan membina jalan tidak mustahil mereka yang belum mempunyai rumah, tetapi mempunyai tanah di kawasan berkenaan akan menjadi mudah.

Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman menerangkan mengenai perkara tersebut bahawa di mana sahaja yang tidak terikat dengan syarat mestilah dibantu mereka membina jalan raya agar mereka dapat membangun rumah.

Secara persendirian, terang Yang Berhormat Menteri Pembangunan, tidak ada masalah mengenai membina jalan raya ini, tapi bagaimana yang dinyatakan bahawa untuk membina jalan itu bukannya tanpa kos, memang ada kos yang besar.

“Soal kos ini bukanlah soal saya, saya sendiri tidak dapat membina jalan raya kalau tanpa kewangan yang diperlukan. Ini satu belanja yang besar Yang Berhormat Pengerusi, perkara ini haruslah kita fikirkan dari segi kos, kesan dan sebagainya. Walau bagaimanapun saya menyambut baik saranan itu, tetapi kita hendaklah melihat bagaimana perkara itu akan dapat dilaksanakan,” ujar Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

Rancangan menaik taraf Jalan Kota Batu sukar dilaksanakan

Laporan : Khartini Hamir
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 21 Mac. - Jabatan Kerja Raya (JKR) sudah meneliti kemungkinan Jalan Kota Batu dinaik taraf tetapi hasil dari kajian itu menunjukkan bahawa oleh kerana bentuk tanah di Kota Batu itu amat sukar untuk dinaik taraf selain banyak kawasan tanah di jalan raya tersebut adalah milik persendirian maka adalah sukar untuk merancang bagi menaik taraf jalan-jalan berkenaan.

“Jadi pada masa ini, tidaklah dapat dinaikkan taraf jalan tersebut tetapi tidak pula diketahui di masa akan datang ada berkemungkinan ada idea-idea lain untuk membuat jalan tersebut,” ujar Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman semasa menjawab pertanyaan Yang Berhormat Awang Haji Gapor@Haji Mohd. Daud bin Karim mengenai rancangan menaik taraf Jalan Kota Batu.

Menjawab mengenai tawaran kecil (quotation) yang masih memakai lesen orang Brunei tetapi orang asing yang menggunakannya dan membuat tawaran yang paling rendah, Menteri Pembangunan menyatakan bahawa perkara ini memang berlaku dan menjadi cabaran kepada Kementerian Pembangunan.

“Permasalahannya ialah borang-borang untuk mengambil tawaran itu diisi oleh orang kita tetapi orang kita bekerjasama dengan orang asing untuk mendapatkan projek-projek tersebut,” jelasnya.

Dari itu katanya, tidak semestinya memilih tawaran yang paling rendah, kadang-kadang perlu dilihat kemampuan, prestasi dan latar belakang orang yang hendak melaksanakannya itu, jika berpuas hati dengan harga yang berpatutan dan sebagainya mungkin Kementerian Pembangunan akan memilih pemborong-pemborong berkenaan.

“Kita mestilah ambil maklum bahawa sebilangan pemborong-pemborong yang berjaya itu bukanlah orang-orang kita tetapi orang-orang asing. Jadi perkara ini akan kita lihat untuk mengatasi masalah ini, yang kita harapkan supaya orang kita yang membuat tawaran akan mengerjakan sendiri kerja itu dan tidak memberi kepada orang asing. Pihak Kementerian Pembangunan akan meneliti bagaimana cara yang dapat mengatasi masalah ini tetapi dengan



YANG Berhormat Awang Haji Gapor@Haji Mohd. Daud bin Karim.

kerjasama daripada orang ramai adalah sangat diharapkan,” ujar Menteri Pembangunan.

Manakala, mengenai kesesakan jalan raya di Sungai Buloh dan Kampung Meragang jelas Yang Berhormat, sudah ada satu projek pembinaan Jembatan Kampung Meragang yang sudah dikeluarkan tawaran tetapi dari segi menyambungkan Sungai Buloh ke Kampung Meragang belum ada dalam perancangan buat sementara ini, walau bagaimanapun perkara ini akan dicatat dan akan diusahakan jika ia bersesuaian.

Beralih kepada soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf mengenai dengan sembilan projek yang sudah dinyatakan peruntukannya dan apakah kesudahannya, Menteri Pembangunan berkata, mana-mana projek yang ada peruntukan pihaknya akan berusaha untuk menyelesaikannya dalam tempoh-tempoh yang tertentu.

Mengenai kesesakan jalan raya dan peruntukan menaik taraf semula jalan utama daripada Bandar Seri Begawan ke Daerah Tutong dan Sengkurong ke Daerah Tutong perkara itu jelas Menteri Pembangunan memang diikhtirakan iaitu jalan utama Tutong adalah dalam projek pembaikan dan perkara ini sedang berjalan jadi dirasakan tidak menjadi masalah kerana isu-isu yang ditimbulkan itu akan dapat ditangani dalam projek yang akan datang.

Berkenaan cadangan Jalan Penanjong, Jalan Pangkalan Pinang, Jalan Bukit Panggal, Jalan Kecil Batang Mitus dinaikkan taraf supaya tidak tertinggal dari pembangunan, perkara ini juga menurut Yang Berhormat ada dalam perhatian dan perancangan pihak kementeriaannya.

Menjelaskan persoalan Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman, Yang Berhormat Menteri Pembangunan mengucapkan terima kasih atas penghargaan yang diberikan terhadap perkhidmatan RIDE dan JKR-Ku yang diharap akan dapat meningkatkan lagi interaksi orang ramai dengan pihak-pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) dalam sama-sama mengatasi masalah



YANG Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf.

kerosakan jalan raya dan sebagainya.

“Insya-Allah, perkhidmatan RIDE ini akan dilaratkan kepada daerah-daerah lain seperti mana yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad,” kata Menteri Pembangunan.

Mengulas langkah-langkah *institutional capacity* Yang Berhormat berkata, Kementerian Pembangunan sememangnya sentiasa berusaha pada meningkatkan *institutional capacity* ini dengan berbagai cara termasuk mendapatkan pegawai-pegawai yang betul-betul diperlukan.

Salah satu cara katanya ialah ‘trade off’ dengan mengurangkan pegawai-pegawai atau jawatan-jawatan yang tidak berkenaan dan diganti dengan jawatan-jawatan tambahan yang kita perlukan dan kita telah pun berjaya berusaha ke arah ini dengan pihak Kementerian Kewangan untuk dapat penambahan pegawai-pegawai tersebut tetapi, di samping itu apa yang penting ialah pegawai-pegawai itu akan bekerja dengan penuh dedikasi, mempunyai pengalaman yang cukup, mempunyai kelulusan dan etika kerja yang terpuji barulah sesuatu kerja itu akan dapat dilaksanakan dengan baik.

“Saya bersyukur kerana di Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya, kita memiliki pegawai-pegawai yang profesional, berwibawa, berdedikasi dan tidak kendur-kendurnya berusaha pada memperbaiki keadaan prasarana dan memberikan perkhidmatan yang cemerlang,” ujar Menteri Pembangunan.

Sementara itu, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah semasa mengulas perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah mengenai dengan sukarelawan di Negara Brunei Darussalam menyaran kepada penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung untuk menghidupkan budaya dan kegiatan bergotong-royong secara sukarela dalam melaksanakan pembersihan persekitaran mukim dan kampung.



YANG Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman.

ICT antara enam teras strategik Kementerian Perhubungan

Laporan : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Haji Ariffin Md. Noor

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 23 Mac. - Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Abdullah menjelaskan Projek-projek Info-Komunikasi ICT dan Inisiatif-inisiatif 'Operational Enhancement' antara yang terkandung dalam beberapa inisiatif strategik selaras dengan enam teras Kementerian Perhubungan.

Perkara itu, dijelaskan oleh Yang Berhormat ketika menyampaikan mukadimahnya pada Perbincangan Peringkat Jawatankuasa Mesyuarat Pertama Dalam Musim Permesyuaratan Kesembilan Majlis Mesyuarat Negara (MMN), berlangsung di Dewan MMN pada sebelah petang.

Dalam hal ini, Yang Berhormat menjelaskan mengenai Projek-projek Info-Komunikasi ICT iaitu Meluaskan dan menambah Projek Infrastruktur ICT; Pengerluan Lesen bagi Perkhidmatan Telekomunikasi 4G atau generasi ke-4 dengan menggunakan teknologi Evolusi Jangka Panjang (Long Term Evolution-LTE); dan Projek Kabel Dasar Laut South East Asia-Japan (SJC).

Yang Berhormat menjelaskan, bagi meluaskan dan menambah Projek Infrastruktur ICT. Projek infrastruktur jalur lebar itu tambahnya, akan mewujudkan perkhidmatan *internet broadband* dengan sasaran bagi menembusi lebih kurang atau kira-kira 80 peratus isi rumah (household) di seluruh negara dengan kepantasan tinggi untuk dinikmati oleh rakyat dan penduduk negara ini melalui pelaksanaan berfasa dalam jangka masa Rancangan Kemajuan Negara Ke-10 (RKN10).

Yang Berhormat menambah, dalam usaha ke arah kemajuan internet broadband yang lebih berkualiti itu, Kementerian Perhubungan juga memberikan perhatian serius dalam usaha membendung kesan-kesan buruk sampingan dari penyalahgunaan alat canggih ini. Usaha ini termasuklah memantapkan pengawalseliaan multimedia di negara ini.

Di samping itu, jelas Yang

Berhormat, pengeluaran lesen bagi Perkhidmatan Telekomunikasi 4G atau generasi ke-4 dengan menggunakan teknologi LTE itu, Kementerian Perhubungan dan AITI telah mengemas kini dasar dan rangka kerja perlesenan bagi perkhidmatan telekomunikasi 4G yang difikirkan sesuai untuk dilaksanakan di Negara Brunei Darussalam, selaras dengan keadaan pasaran dan trend pengguna di negara ini.

Jelasnya, teknologi 4G adalah teknologi perkhidmatan telefon bimbit dan *internet broadband* yang berkualiti dan berkelajuan lebih tinggi daripada 3G yang ada pada sekarang ini dan perkhidmatan ini ada juga diberikan di negara-negara maju seperti Republik Singapura, Australia dan negara-negara Eropah.

Selain itu jelas Yang Berhormat lagi, Projek SJC dengan harga rancangan BND94,500,000. Peruntukan yang disokong di bawah RKN10 adalah sejumlah BND38,250,000 dan projek ini masih dalam pelaksanaan.

Projek ini katanya, bermula pada 12 April 2011 dan dijangka siap untuk perkhidmatan aktif pada 12 November 2013 ini, insya-Allah.

Jelas Yang Berhormat lagi, projek berkenaan akan merangkai 8 buah negara iaitu Negara Brunei Darussalam, Negara Republik China, Hong Kong, Jepun, Singapura, Indonesia dan Thailand dengan kapasiti yang berjumlah 17 Terabytes sesaat.

Menyentuh mengenai Inisiatif-inisiatif 'Operational Enhancement' pula, Yang Berhormat menjelaskan Penaiktaran Bahagian Kajicuaca, Jabatan Penerbangan Awam (JPA) kepada Jabatan Kajicuaca, Kementerian Perhubungan.

Menurutnya, pada bulan Januari 2013, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenalkan bagi Penaiktaran Bahagian Kajicuaca di bawah JPA sebagai sebuah Jabatan Kajicuaca di bawah Kementerian Perhubungan.

Inisiatif berkenaan jelasnya, adalah berpandukan kepada



MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Abdullah.

saranan-saranan daripada ICAO iaitu International Civil Aviation Organisation dan WMO iaitu World Meteorological Organisation serta mengikut amalan-amalan terbaik antarabangsa.

Usaha tersebut tambahnya, diharapkan akan dapat menangani isu-isu seperti *focused dedicated functions* termasuk peruntukan bagi projek-projek besar di bawah perkhidmatan kaji cuaca ini.

Jelasnya, pemberian maklumat kaji cuaca yang tepat dari semasa ke semasa adalah penting untuk sektor-sektor yang berkepentingan seperti pertanian, pembinaan, perikanan dan orang awam kerana ianya dapat memberikan impak yang positif kepada sektor-sektor berkenaan.

Dalam hal itu Yang Berhormat menambah Jabatan Kajicuaca di Kementerian Perhubungan akan mula beroperasi pada 1 April 2013 nanti dan insya-Allah dalam bajet tahun depan, ada lagi satu heading di bawah Kementerian Perhubungan.

Selain itu Yang Berhormat seterusnya menjelaskan mengenai pemindahan fungsi kawal selia penyiaran dari Kementerian Perhubungan kepada AITI.

Jelas Yang Berhormat, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah juga memperkenalkan bagi pemindahan fungsi kawal selia penyiaran daripada Kementerian Perhubungan kepada AITI.

Dalam hal itu katanya, AITI sedang meneliti semula rangka kerja perundangan dan pengawalseliaan untuk merangkumi industri penyiaran dan multimedia dengan mengambil kira keperluan-keperluan seperti Pembangunan atau penciptaan kandungan tempatan; Perkembangan media baru; Pembangunan kapasiti penyiar-penyiaran tempatan; Kepelbagaian perkhidmatan, dari segi penyediaan perkhidmatan dan pakej-pakej kandungan atau rancangan melalui teknologi baru seperti Internet Protokol TV (IPTV) *on-the-top* dan mana-mana teknologi yang lain; dan Langkah bagi membendung kandungan yang mempunyai unsur-unsur bertentangan dengan nilai dan budaya negara.

Tambahnya, itu adalah selaras sebagai satu sinergi bagi Projek 'Fibre -To-The-Home'.

Pembinaan tunnel perlu penelitian

Laporan : Khartini Hamir

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 21 Mac. - Ahli Yang Dilantik Mewakili Daerah, Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin pada perbincangan pada Majlis Mesyuarat Pertama Dalam Musim Permesyuaratan Kesembilan Majlis Mesyuarat Negara petang kelmarin menyatakan dua usulan antaranya mengenai terlampau banyak jejantas yang kurang manis dipandang mata.

Tambahnya, pengguna seperti orang kurang upaya tidak dapat menggunakannya dan begitu juga orang tua-tua yang sakit lutut, gout dan sebagainya. Dari itu adalah dicadangkan, supaya projek akan datang untuk dibuat tunnel iaitu laluan bawah tanah kerana dengan adanya laluan *zebra crossing* akan mengganggu lalu lintas. Jadi ada baiknya kalau laluan di bawah tanah itu diwujudkan.

Bagi menunjukkan negara kita negara Melayu Islam Beraja (MIB) jelas Yang Berhormat, perlulah juga dibuat papan-papan tanda jalan raya, papan-papan tanda di jabatan-jabatan kerajaan, bangunan-bangunan, sekolah-sekolah, premis-premis perniagaan dan sebagainya, dibubuh tulisan Jawi.

Menjawab bagi permasalahan terlalu banyak jejantas, Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, berpendapat ianya adalah satu cadangan yang boleh difikirkan tetapi ada perbezaan yang besar di antara membuat *tunnel* dengan membuat jejantas.

Membuat jejantas terang Yang Berhormat, mudah sekali dan perbelanjaannya pun tidak sebegitu mahal kalau dibandingkan dengan membuat tunnel. Dari itu, kita mestilah memikirkan *balance* di antara *cost* dengan *benefit*.

Walau bagaimana pun perkara ini akan kita catat dan insya-Allah mungkin di masa-masa yang akan datang perkara ini berkemungkinan akan dilakukan dengan mengambil daripada apa yang disuarakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Tahamit mengenai dengan membantu

orang-orang yang kurang upaya supaya selalu *exercise* naik tangga dan sebagainya.

Selain itu Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah juga turut mengulas mengenai perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Tahamit berkenaan dengan penggunaan tulisan Jawi di jalan-jalan raya di Negara Brunei Darussalam.

Sehubungan dengan itu jelas Yang Berhormat, Yang Berhormat ingin memaklumkan bahawa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam memberikan perhatian ke arah penamaan nama-nama jalan-jalan raya dengan menggunakan bahasa Melayu dan tulisan Jawi.

"Ke arah ini terdapat sebuah Jawatankuasa Kebangsaan yang bernama Geografi Brunei Darussalam yang dipengerusikan oleh Juruukur Agung. Jawatankuasa Kebangsaan ini bertujuan untuk memperkasakan pemakaian dan penggunaan bahasa Melayu dan tulisan Jawi," ujar Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Dalam Jawatankuasa Kebangsaan itu tambah Yang Berhormat lagi, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan juga turut terlibat dalam jawatankuasa berkenaan selaku penyelarasan ejaan-ejaan serta menetapkan piawaian nama-nama geografi yang melibatkan jalan-jalan, simpang-simpang dan nama-nama tempat dalam peta di Negara Brunei Darussalam.

Keahlian dalam Jawatankuasa Kebangsaan yang dikatakan itu jelas Yang Berhormat adalah seperti di samping Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka dan ada juga melibatkan Jabatan Lembaga Bandaran dari empat daerah, Pejabat Pejabat Daerah, Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Jabatan Ukur, Jabatan Pengangkutan Darat dan Jabatan Kerja Raya.

MEMBUAT jejantas mudah sekali dan perbelanjaannya pun tidak sebegitu mahal kalau dibandingkan dengan membuat tunnel. Dari itu, kita mestilah memikirkan balance di antara cost dengan benefit.

- Yang Berhormat Menteri Pembangunan



ANTARA pegawai-pegawai kerajaan yang hadir pada Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

Tanah-tanah terlibat diganti dan dibayar kepada pemilik tanah

Laporan : Haji Aliddin Haji Moktal

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 20 Mac. - Pada tahun 2008, cadangan ke arah penyelesaian tanah plot X dan jalan daerah telah mendapat titah perkenan supaya tanah-tanah yang terlibat berkenaan diganti dan dibayar kepada pemilik tanah yang terlibat sama ada diganti dengan tanah ataupun dibayar.

Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman menjelaskan perkara tersebut bagi menjawab usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim mengenai bayaran balik pengambilan tanah dan apakah perancangan kerajaan memberikan bayaran pampasan bagi tanah-tanah bergeran untuk dibayar balik pada Majlis Mesyuarat Pertama Dalam Musim Permesyuaratan Kesembilan Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang

berlangsung di Dewan MMN, di sini.

Menurut Yang Berhormat, alhamdulillah dalam pengenalan pasti tapak tanah yang terlibat serta penggantian pampasan tanah plot X berkenaan telah dapat dilaksanakan dan diungkahkan.

“Lebih kurang 1,000 lot tanah persendirian yang dikenal pasti sebagai plot X di keseluruhan negara. Berdasarkan kepada perangkaan ini sebanyak 802 lot tanah tersebut telah dihadapkan pada pihak yang berkuasa untuk pertimbangan dan sebanyak 744 tanah telah pun diluluskan untuk diganti atau dibayar secara wang tunai,” jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat menambah, pembayaran telah dijelaskan adalah di dalam sekitar 60 peratus telah dibuat ke atas pemilik-pemilik tanah yang terlibat.

Dalam hubungan jalan daerah

pula yang melibatkan tanah persendirian, jelas Yang Berhormat, pihak kerajaan juga telah mengenal pasti tanah-tanah persendirian yang terlibat supaya akan dibayar pampasan atau diganti dengan tapak tanah kerajaan yang lain menurut garis panduan dan peraturan yang telah ditetapkan dan diperkenankan dan sebelumnya setakat ini banyak yang sudah dikenal pasti dan telah pun diambil tindakan ke atasnya mengikut peraturan penyimpanan tanah.

“Walau bagaimanapun, kita akui masih ada beberapa tanah gantian ataupun tanah yang telah di ambil oleh kerajaan yang masih belum diganti atau dibayar yang mana perkara ini sedang kita tunduki,” ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat menjelaskan, masih ada yang *backlog* di mana masih ada tanah-tanah yang belum diganti. Insya-Allah kita akan mengambil tindakan yang bersesuaian untuk menyelenggarakan ke atas tanah-tanah berkenaan.

segala masalah orang ramai dapat ditangani dengan lebih terurus dan sempurna,” ujar Yang Berhormat lagi.

Selain itu, Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Sahftee juga ingin memohon pihak yang berkenaan supaya jalan persimpangan Sungai Liang dan Labi akan dapat dikaji semula dan dipasangkan lampu trafik kerana di kawasan tersebut sering berlaku kemalangan disebabkan keadaan jalan persimpangan tersebut. Begitu juga dengan sebuah jalan yang tertua di Daerah Belait yang kedudukannya di antara Anduki dan Sungai Bera di mana pada masa ini sebuah jambatan baru sedang dalam pembinaan dan diharap pihak-pihak yang berkenaan akan dapat membesarkan sedikit jalan tersebut kerana jalan tersebut sering berlaku kemalangan yang membawa maut.

Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman dalam jawapannya kepada pandangan Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee menjelaskan mengenai dengan pembuatan parit dan sebagainya di Kampung Lumut serta pembersihan di Sungai Bakong nampaknya tidak begitu *sustainable* mengikut penerangan pihak Kementerian dan di mana perkara ini tidak dipersetujui oleh Ahli Yang Berhormat kerana kaedahnya mungkin tidak sesuai.

Memanglah pada masa ini terang Yang Berhormat Menteri Pembangunan, projek pembersihan masih berjalan dan pihak mereka akan mengkaji semula bagaimana untuk mengatasi permasalahan slope tanah. Setiap kali hujan dan sebagainya, setip tanah itu akan turun ke bawah, menyebabkan kerja-kerja pembersihan sangat sukar.

Perkara ini akan diambil tindakan dengan adanya pendapatan daripada kajian itu jelas Yang Berhormat, dengan mengubah cara memperbaiki ataupun melaksanakan projek pembersihan Sungai Bakong dan juga kerja-kerja pembersihan

Kementerian Perhubungan pemudah cara sektor pengangkutan, perhubungan

Laporan : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 23 Mac. - Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar berkata, Kementerian Perhubungan telah berjaya menjalankan peranannya sebagai pemudah cara dalam sektor pengangkutan dan perhubungan.

“Kita dapat melihat perkhidmatan-perkhidmatan dalam sektor-sektor ini sekarang diterajui dan dikendalikan oleh pihak swasta ataupun dijana oleh industri sektor swasta,” katanya.

Yang Berhormat menekankan perkara tersebut semasa menyampaikan mukadimahnya pada perbincangan Peringkat Jawatankuasa Mesyuarat Pertama Dalam Musim Permesyuaratan Kesembilan Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang berlangsung di Dewan MMN pada sebelah petang.

Sebagai contoh, semua perkhidmatan kepada orang ramai seperti ICT, pengangkutan awam dan perkhidmatan-perkhidmatan di Lapangan Terbang Antarabangsa adalah disediakan oleh pihak swasta.

Yang Berhormat menambah, misalnya perkhidmatan-perkhidmatan dulu yang di bawah pengendalian kerajaan yang paling ketara ialah telekom sekarang sudah dikendalikan oleh beberapa sektor swasta dan dengan pengendalian ini beberapa *spin off* dari perkhidmatan-perkhidmatan ini telah pun diadakan dan industri-industri seperti ini adalah lebih maju, efisien, dinamik dan inovatif.

Di samping itu kata Yang Berhormat, peranan Kementerian Perhubungan ini adalah juga selaras dengan hasratnya dalam strategi-strategi pengkorporatan dan penswastan.

Menurut Yang Berhormat, antara lainnya, adalah seperti pengkorporatan Jabatan Perkhidmatan Pos dan penswastan perkhidmatan-perkhidmatan pelabuhan dan

baru-baru ini, usaha ke arah perkhidmatan pusat-pusat pemeriksaan kenderaan (VICs) secara komersial dan bukan lagi dijalankan oleh Jabatan Pengangkutan Darat.

Jelasnya, Kementerian Perhubungan juga mengikuti perkembangan teknologi masa kini dan akan datang.

Tambahnya, sebagai contoh, adalah teknologi ‘Fibre-To-The-Home’ (FTTH) dan perkhidmatan Telekomunikasi 4G dengan menggunakan teknologi evolusi jangka panjang yang diterajui oleh pihak swasta.

Selain itu jelasnya lagi, perkembangan industri penerbangan, maritim, perkapalan dan pengangkutan turut diteliti dan Kementerian ini menggalakkan *spin off* dari industri-industri berkenaan.

Menurut Yang Berhormat, Kementerian berkenaan juga berperanan memastikan bahawa operasi dan kawal selia sektor perhubungan dan pengangkutan sentiasa mengikuti piawaian antarabangsa yang ditetapkan oleh pertubuhan-pertubuhan antarabangsa seperti Kesatuan Telekomunikasi Antarabangsa (ITU), Kesatuan Pos Sejagat (UPU), Pertubuhan Maritim Antarabangsa (IMO), Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa (ICAO) dan Pertubuhan Dunia Meteorological (WMO).

Dalam melaksanakan peranan dan tanggungjawabnya itu katanya, Kementerian Perhubungan tidak dapat menjalankan tugasnya tanpa kerjasama dan sokongan dari agensi-agensi lain, baik dari sektor kerajaan dan sektor swasta.

Dari itu, Yang Berhormat melahirkan penghargaan kepada pihak Kementerian Perhubungan dan jabatan-jabatan di bawahnya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua Kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan, agensi-agensi korporat dan swasta dan yang paling mustahak para pengguna perkhidmatan atas sokongan dan kepercayaan yang diberikan.

di situ.

Mengenai dengan jalan tertua di Daerah Belait iaitu Anduki ke Sungai Bera pula terang Yang Berhormat, pada masa ini sedang diperbaiki dan di bawah Seria bypass, apabila Seria bypass itu siap nanti termasuk Jalan Anduki dan Sungai Bera tersebut.

Berkenaan cadangan supaya perkhidmatan RIDE dilaratkan kepada daerah lain tambah Yang Berhormat, perkara itu akan diambil tindakan apabila ia sesuai dan pada masa ini sudahpun merencanakan supaya RIDE juga dilaratkan kepada daerah lain yang mana menunggu masa saja lagi untuk dilaksanakan ke daerah-daerah lain.

Menaik taraf jalan raya di Daerah Tutong dan Belait

Laporan : Khartini Hamir

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 21 Mac. - Ahli Yang Dilantik Mewakili Daerah-Daerah, Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, pada perbincangan di Majlis Mesyuarat Pertama Dalam Musim Permesyuaratan Kesembilan Majlis Mesyuarat Negara petang kelmari menyuarakan beberapa pendapat dan saranan antaranya mengenai kerja-kerja menampal potholes ke atas jalan-jalan raya di antara Kampung Telisai dan Kampung Sungai Liang telah nampaknya selesai dijalankan.

Menurutnya lagi, hanya kerja-kerja membuat parit di bahagian kawasan tepi jalan Kampung Tunggulian masih berjalan dan pada pandangan Yang Berhormat, diharap kerja-kerja membaiki pulih jalan-jalan tersebut termasuklah juga kerja-kerja penerapan asfalt akan dapat diusahakan bagi memantapkan kualiti jalan raya pada masa ini.

Jalan-jalan raya tersebut terang Yang Berhormat, kelihatan ditambah-tambal sahaja terutama di kawasan Jalan Raya Sungai Paku dan Tunggulian, adalah diharap perkara ini akan termasuk dalam peruntukan BND9.9 juta projek membaiki pulih dan menaik taraf jalan-jalan raya di Daerah Belait.

Tambah Yang Berhormat lagi, kedua adalah mengenai sistem saluran kawasan Lumut I dan II, Kampung Sungai Liang di Daerah Belait yang tidak semuanya diberikan konkrit terutama di Kampung Lumut I dan Kampung Sungai Liang.

Hanya sebahagian sahaja yang diusahakan jelasnya dan masih banyak lagi parit-parit dan tanah yang belum diberikan konkrit, dari itu adalah dipohonkan supaya dapat diusahakan bagi membina lagi keadaan parit di kedua-dua kampung dan diharap ianya tidak terkeluar dari peruntukan pembinaian projek-projek saluran di Kampung

Lumut.

Manakala mengenai sungai-sungai di kawasan Kampung Lumut I, Yang Berhormat menyarankan supaya akan dapat dibersihkan secara berjadual bagi mengelakkan banjir. Yang Berhormat telah memaklumkan perkara tersebut secara bertulis dan melalui media elektronik kepada pihak yang berkenaan bagi memohon supaya kerja-kerja pembersihan ke atas Sungai Lumut dapat diusahakan dan alhamdulillah setakat ini perkara itu masih berjalan dan diambil tindakan sepenuhnya.

Selain itu Yang Berhormat juga turut difahamkan mengenai pembersihan di Sungai Bakong konkrit itu dikatakan tidak berdaya tahan. Pada pandangan Yang Berhormat, mengapa ianya tidak berdaya tahan berkemungkinan disebabkan kaedah pembisaian sungai itu dilakukan tidak seperti projek pembisaian Sungai Ukung yang tidak mempunyai masalah dan tidak memerlukan kerja-kerja pembersihan sehingga sekarang.

Yang Berhormat juga mengucapkan tahniah pada Jabatan Kerja Raya kerana dapat memperkenalkan Road Inspection Division Enforcement (RIDE) dan aplikasi JKR Ku serta sekali gus kedua-dua kaedah ini adalah satu alternatif yang difikir akan berkesan dan dapat mempercepatkan tindakan pihak yang berkenaan dalam menangani masalah orang ramai. Beliau juga berpendapat dan berharap supaya RIDE dan aplikasi JKR Ku ini akan dilaratkan segera ke daerah-daerah lain juga.

“Insya-Allah pemimpin akar umbi akan memberi kerjasama dengan pihak yang berkenaan. Cuma dipohonkan supaya akan mendapat tindak balas yang bersesuaian bagi sama-sama menangani masalah orang ramai dengan lebih berhemah dan berkesan. Dengan adanya kerjasama sedemikian saya percaya